

06 MAY 2002

Mahathir-Myanmar/I

PEMBEBASAN SUU KYI SATU KEMAJUAN KE ARAH DEMOKRASI -- MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembebasan pemimpin pembangkang pro-demokrasi Aung San Suu Kyi selepas 19 bulan dikenakan tahanan di rumah adalah satu kemajuan ke arah demokrasi di Myanmar.

Ketika diminta mengulas sama ada pembebasan itu adalah satu langkah besar ke hadapan, beliau berkata: "Saya fikir ia adalah satu kemajuan. Saya fikir kita patut menerimanya."

Perdana Menteri bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tama pada Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di sini hari ini.

Dr Mahathir juga memuji kerajaan tentera Myanmar.

"Kedua-dua pihak patut dipuji. Saya tidak fikir sesuatu boleh dicapai dalam sekelip mata," katanya.

Pembebasan Suu Kyi oleh junta yang memerintah adalah satu kejayaan selepas kebuntuan politik lebih dari sedekad.

Penerima anugerah keamanan Nobel berusia 56 tahun itu telah dihalang daripada keluar dari rumahnya manakala talian telefon dipotong sejak September 2000 setelah cuba menentang pengharaman kerajaan ke atas perjalanan keluar dari ibu negara, Yangon.

Suu Kyi muncul sebagai pemimpin pergerakan demokrasi Myanmar pada 1988 selepas tentera menekan bantahan-bantahan terhadap kerajaan. Tentera telah memerintah negara itu sejak 1962.

Myanmar adalah antara negara anggota Asean yang mempunyai 10 anggota. Yang lain ialah Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

-- BERNAMA

MAD MKO FR OS NMO